

DEWAN MAJLIS**Selasa, 18 Jamadilakhir 1439/6 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Mentari, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan BA1000, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang terhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Bagi Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu bagi hari yang kedua didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka

Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, kita dapat sama-sama berkumpul hadir pada pagi ini dan kita bersidang bagi hari yang kedua dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Saiyidina Muhamad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita maklumi, Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini telah selamat selesai sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada hari Isnin, 5 Mac 2018 iaitu kelmarin.

Baginda seterusnya telah berkenan mengurniakan titah. Majlis kita ini, sesungguhnya dengan penuh rendah diri menjunjung kasih dan menjunjung

atas keberangkatan baginda dan titah yang dikurniakan itu.

Sesungguhnya baginda mempunyai pandangan yang jauh dan menyeru kita semua supaya dapat mencadangkan perkara-perkara *substantial* dalam pembangunan bidang ekonomi yang mapan agar tidak berterusan bergantung pada hasil minyak dan gas dan keperluan untuk mempelbagaikan ekonomi termasuklah menumpukan perhatian dalam bidang pertanian kerana baginda telah berulang kali menyebut bahawa bidang pertanian ini penting untuk digerakkan supaya dapat dijadikan kenyataan untuk bergerak dengan lebih efektif, kerana ini mempunyai nilai yang besar serta mempunyai kesan mendalam terhadap kejayaan kelangsungan kehidupan dan kesejahteraan hamba rakyat dalam negara kita dikasihi ini.

Dalam pada itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah dipertanggungjawabkan untuk bekerjasama secara kolektif dan bersatu padu serta sama-sama memberikan sumbangan untuk menuju kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya percaya perkara-perkara ini akan dapat dan lebih lanjut lagi diteliti dan dibincangkan semasa Ahli-Ahli Yang Berhormat membincangkan Perkara VI Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis, dalam menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dan di hadapan kita, kita baru saja mengadakan mesyuarat ini, terdapat beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dan sekarang saya ingin mencadangkan supaya kita berpindah ke perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IV, Kertas-kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang pertama, Kertas No. 1 Tahun 2018 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2018 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2017 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2018 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2018 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2018/2019. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2017 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan II akan membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2018/2019, maka saya izinkan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk membentangkan Kertas-Kertas yang dimaksudkan itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya telah difahamkan terdahulu bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin untuk membuat kenyataan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan 4 (3) daripada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara telah membolehkan supaya Perkara 6

iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan lebih dahulu dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini saya cadangkan kerana perkara tersebut adalah amat mustahak untuk disegerakan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini. Oleh yang demikian, saya berharap cadangan ini akan dapat dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Kaola menyokong akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya Perkara VI iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan lebih dahulu dibincangkan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, maka saya berpendapat perkara ini adalah jelas dan tidaklah perlu dibahaskan. Maka saya ingin bertanya sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain adakah cadangan ini dipersetujui sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli bersetuju sebagaimana cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VI, iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah kita bersyukur kerana Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Tahun ini telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kelmarin. Maka saya ingin mencadangkan satu Usul yang berbunyi:-

'Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-sepenuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 dan atas titah baginda dan Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.'

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagaimana kita telah semua mendengar dan mengamati titah baginda itu mengandungi banyak nasihat dan peringatan serta pandangan jauh baginda. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah antara lain, bahawa Brunei seharusnya berdikari dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan terutama sekali beras yang merupakan makanan asasi.

Usaha juga mustahak dipertingkatkan untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang lain yang diperlukan, dan dalam soal perkara pengeluaran bahan-bahan makanan ini, bidang pertanian penting diperluaskan. Baginda juga bertitah dengan tegas mengenai sumber minyak dan gas, iaitu dalam industri minyak peranan orang-orang Brunei jauh ketinggalan daripada apa yang diharapkan.

Oleh yang demikian, baginda menkankan supaya anak-anak tempatan benar-benar mengambil peluang yang sentiasa terbuka untuk dilatih sehingga

dapat menduduki bukan sahaja jawatan pengarah urusan tetapi jawatan-jawatan yang lebih tinggi.

Dari itu, baginda menghendaki supaya perkara ini dikaji kerana baginda percaya kalau orang lain boleh mendapat ilmu dan pengalaman, anak-anak tempatan juga tentu boleh. Baginda seterusnya bertitah supaya kita mesti mencari apa yang salah itu dan membetulkannya.

Dalam bidang pembangunan pula, baginda bertitah ia tidak akan berjalan lancar sekiranya peraturan dan undang-undang tidak dikuatkuasakan dengan sempurna. Amatlah perlu supaya peraturan dan undang-undang itu dikuatkuasakan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengulangi lagi apa yang telah dititahkan baru-baru ini mengenai pembersihan Brunei daripada sampah dan kotoran.

Undang-undang dan peraturan mengenai kebersihan sudah pun ada dengan peruntukan denda yang tertentu, tetapi denda-denda yang dikenakan tidak merupakan *deterrents* (tidak menjarakan) kepada pesalah-pesalah dan juga tidak menakutkan kepada orang-orang lain daripada membuat kesalahan sedemikian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertanya mengenai Undang-Undang Akta Rokok dan lain-lain sama

ada sudah benar-benar dikuatkuasakan atau masih sahaja berlaku ketirisan. Baginda menitahkan adalah perlu supaya pihak-pihak yang berkaitan mengambil perhatian dan mengkaji undang-undang yang berkenaan supaya orang tidak mempersendakan akta-akta undang-undang kerana kelemahan kita menguatkuasakannya.

Setiap akta dan undang-undang itu hanya akan dihormati apabila ia dikuatkuasakan dengan tegas. Selain inti sari titah yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara, perlu juga kita mengambil ingatan terhadap isu kandungan titah-titah baginda yang terdahulu.

Dalam persidangan Majlis ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ada beberapa orang ahli yang dilantik kerana jawatan yang menjalankan tugas di Majlis ini buat pertama kali termasuk saya sendiri.

Oleh yang demikian, seyogianya kita semua mengambil ingatan akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, bahawa baginda menghendaki untuk melihat pasukan kabinet dan pegawai-pegawai berkenaan dapat menunaikan tanggungjawab dengan lebih baik tanpa menimbulkan masalah dan

menjejaskan pelaksanaan pentadbiran kerajaan baginda. Baginda bertitah menambah bahawa menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa sepatutnya benar-benar fokus kepada perkara-perkara yang berfaedah sahaja bukannya mencipta-cipta untuk kepentingan peribadi atau kepentingan mana-mana golongan dan sama-samalah kita mengambil iktibar daripada titah baginda itu.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya berharap kita dapat menanai amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita dengan sebaik-baiknya untuk membawa negara ini bergerak maju. Kita perlu untuk sentiasa bekerja sebagai satu pasukan dan menjadikan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah pemangkin pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sama-sama terus mendukung dan menjunjung setinggi-tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, terutama dalam membangun perekonomian dan perindustrian, mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian bermasyarakat, menangani isu-isu sosial termasuk isu kebersihan, menggerakkan para belia untuk membangun negara dan memupuk perpaduan rakyat bagi sama-sama menjayakan wawasan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam maju.

Pada mengakhiri titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, baginda mengingatkan kepada semua Ahli supaya akan terlibat dan memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama negara.

Maka seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua bahawa adalah bersesuaian bagi kita di Dewan mulia ini untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengulangi seruan supaya kita semua di Dewan yang mulia ini sama-sama menanai dan menghayati inti sari Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dan menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh baginda kepada kita semua.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar kenyataan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Usul yang telah pun dikemukakan. Maka saya minta seorang Ahli untuk menyokong usul tersebut.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan satu Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari isnin, iaitu kemarin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018. Usul itu telah pun disokong oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka dengan itu sekarang saya bukakan Usul ini untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya persilakan untuk memulakan perbahasan kita ini oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Silakan.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola/saya menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat

Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola sendiri berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mengutarakan Usul dan yang dalam pemikiran kaola/saya adalah mustahak untuk dibincangkan dan diteliti. Kaola/saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawasanya titah baginda penuh dengan amanat, panduan, harapan dan kepercayaan terhadap kemampuan masyarakat kita untuk berkembang maju dan berdaya tahan. Ini menggambarkan kearifan dan kecekapan baginda sebagai pemimpin negara dalam memastikan ketenteraman dan keselamatan rakyat negara ini akan terus-menerus dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Baginda menekankan beberapa isu penting yang berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara dan pengukuhan akta-akta negara melalui pelaksanaan yang sempurna dan berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat melalui titah baginda, perhatian yang tinggi diperlukan dalam mempelbagaikan sumbangan kepada ekonomi negara dan juga menekankan agar di Dewan yang mulia ini semua Ahli yang terlibat akan dapat memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara. Ini jelas menandakan bahawa perlunya perbincangan terbuka dan *transparency* yang melibatkan pelbagai

pihak yang berkepentingan dalam merancang hala tuju perkembangan perekonomian negara ini dari berbagai-bagai sektor sekiranya sasaran bersama ialah untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara ke arah yang lebih positif walaupun secara berperingkat-peringkat iaitu *short-term* dan *long-term*.

Menurut statistik JPKE dan *IMF, World Economic World Outlook Database Oktober 2017* bertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam adalah ditaras negatif sejak 2013 berbanding dengan negara-negara *ASEAN 5* dan dunia dan ia membimbangkan. Sangatlah mustahak bagi negara kita untuk terus aktif mempelbagaikan ekonomi negara bagi meningkatkan pertumbuhan KDNK dan tidak hanya bergantung pada sumber minyak dan gas semata-mata. Baginda telah bertitah bahawa "Walaupun permintaan global semakin meningkat dan harga minyak mulai pulih secara positif, kepelbagaian pertumbuhan ekonomi negara haruslah diambil berat kerana ia masih berada di paras yang rendah."

Menyentuh pula mengenai sumber KDNK bahawa 35% sumber KDNK dari keluaran sektor swasta yang bukan dari sektor minyak dan gas. Bagi sektor pertanian dan agrimakanan baginda juga pernah bertitah sebelum ini semasa Adat Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-70 tahun bahawa "Usaha-usaha peningkatan perlulah

menyeluruh terutama bagi bidang yang dianggap utama seperti pertanian dan makanan asasi agar negara mampu memenuhi sara hidup dan selamanya tidak bergantung pada pihak luar sahaja." Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan tentang pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah dibuat berulang-ulang kali akan tetapi masih tidak nampak peningkatan.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memainkan peranan yang sangat besar di samping berkolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain untuk merealisasikan misi mereka untuk menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan KDNK dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan juga luar negeri dan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti penggunaan teknologi tinggi serta memfokus kepada pasaran eksport.

Ini juga dengan secara tidak langsung membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan kita menceburi atau menceburkan diri dalam bidang perniagaan mereka ke luar negara dengan mengetengahkan produk-produk tempatan kita ke negara luar seperti negara *ASEAN* sebagai permulaan walaupun agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan haruslah bersama-sama mendukung dan membantu pengusaha-pengusaha yang

ingin berkembang dalam memberikan garis panduan, *mentoring* dan adanya insentif pertolongan dari pihak kerajaan. Ini boleh sahaja dikukuhkan dengan kolaborasi melalui misi-misi perdagangan yang sering diungkayahkan oleh pihak yang berwajib di negara-negara lain termasuk negara *ASEAN*. Kaola percaya industri pertanian boleh berkembang dan akan dapat berkembang dengan lebih jauh jika pihak kerajaan akan dapat memberi bimbingan dan latihan yang sewajarnya terutama sekali kepada belia kitani yang ingin menceburi dalam bidang pertanian.

Sebagai satu contoh juga kita boleh melihat segala institusi seperti *IBTE* Wasan yang melahirkan graduan-graduan dari bidang *agriculture* supaya ia akan dapat diberi pendedahan yang awal dalam bidang industri ini dengan menyeru para usahawan dan juga para belia untuk menarik minat menceburi industri pertanian, perhutanan dan perikanan.

Begitu juga dengan pertumbuhan ahli-ahli pakar tempatan kita. Kita juga harus mengembangkan lagi pakar-pakar tempatan ke luar negara dalam profesion yang tertentu sesuai dengan keperluan dan kehendak kita dalam melahirkan pakar-pakar pekerjaan yang dinamik dalam pelbagai sektor dan tidak terhad kepada kepakaran dalam sektor minyak dan gas sahaja.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

juga menekankan tentang langkah berjimat, iaitu berjimat memang baik dan terpuji tetapi jika dilakukan tanpa usaha ke arah pertumbuhan adalah sikap yang tidak dapat diterima.

Seperti lazimnya anggaran Perbelanjaan Tahunan Kewangan menurun disebabkan fiskal negara. Jika dilihat tahun 2014 ke 2015, bajet dari \$5.98 bilion sehinggalah ke 2017 ke 2018 \$4.6 bilion, akan tetapi bila dilihat berbanding dengan *expenditure* ia berbeza. Mengikut statistik dari JPKE, perbelanjaan dari segi *expenditure* lebih daripada bajet Perbelanjaan Tahun Kewangan.

Setiap tahun seperti mana yang difahami, adanya tambahan perbelanjaan dipohonkan di bawah *supplementary budget*. Tapi ia tidak pernah dibincangkan atau disuarakan dalam sesi pembentangan perbelanjaan negara. Jika melihat statistik JPKE, perbelanjaan negara tiap-tiap tahun lebih daripada anggaran Perbelanjaan Tahunan yang telah *confirmkan*. Seperti misalannya, pada tahun 2016, 2017, bajetnya adalah \$4.9 bilion hasil negara adalah \$3.61 bilion. \$4.9 bilion, yang diluluskan dari segi bajet Perbelanjaan Tahunan 2016, 2017, manakala statistik dari JPKE, untuk melihat dari segi *expenditure* adalah \$6.25 bilion iaitu lebih daripada \$1.3 bilion.

Kaola ingin mengusulkan satu cadangan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju untuk mengadakan sesi perbincangan belanjawan negara

di peringkat kementerian-kementerian bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai satu mekanisme untuk memantau status untuk mencapai sasaran *KPI* sebelum kementerian menghadapkan permohonan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun-tahun berikutnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola/saya juga ingin membuat usulan mengenai proses pelaksanaan akta dan undang-undang di negara kita ini. Kaola/ saya akan mengambil contoh negara jiran jika salah seorang daripada menteri atau ahli parlimen negara ingin memperkenalkan atau melaksanakan sesuatu akta atau perubahan undang-undang ia akan diteliti dan akan dibincangkan lebih dahulu mengenai bab-bab dan isu penting kandungan akta ataupun undang-undang itu melalui beberapa peringkat sebelum ia dihadapkan ke peringkat seterusnya.

Sebagai negara Melayu Islam Beraja kita digalakkan untuk mengadakan musyawarah, syura bagi mendapatkan solusi yang mantap, memperolehi pendapat yang bijak, terhindar daripada kesalahan terjaga dari celaan dan dijauhi dari kekecewaan dan lain-lain lagi.

Kaola/saya ingin mencadangkan bahawa dalam salah satu peringkat itu akan dapat dibincangkan cadangan akta-akta yang akan datang bersama ahli-ahli yang berkepentingan seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi berkepentingan di peringkat pemimpin

akar umbi dan masyarakat *engagement with stakeholders* mahupun serantau ataupun juga mungkin *NGO* dan sektor swasta yang difikirkan mampu untuk memberikan buah fikiran dan sebelum ia dihadapkan dan diluluskan oleh peringkat-peringkat yang seterusnya terutama sekali di peringkat-peringkat menteri-menteri kabinet dan dihadapkan Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah untuk memastikan akta mahupun undang-undang tersebut saksama dan dapat menguntungkan semua pihak terutamanya masyarakat kita jika ia akan dikuatkuasakan kepada orang ramai. Ini juga akan mengelakkan adanya penggubalan berulang-ulang terhadap sesuatu akta itu, jika ia akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti pemberigaan yang kurang jelas terutama sekali kepada orang awam. Pendekatan ini, adalah secara langsung *whole of nations approach*.

Kaola juga percaya akan pentingnya urusan antara kerajaan dan masyarakat. Masyarakat juga dapat memahami atas sebab apa sesuatu akta atau undang-undang itu akan dilaksanakan. Kaola berpendapat jika perkara ini dapat diambil kira oleh pihak kerajaan, maka semua pihak akan sama-sama mengerti dan akan kurangnya kadar isu kesalahfahaman mengenainya terutama sekali media-media sosial setelah ia dikuatkuasakan secara mendadak.

Namun tidaklah juga penguatkuasaan itu akan berjaya dilaksanakan jika ia tidak dikuatkuasakan dengan tegas. Kita tidak juga ingin ada yang mempersendakan akta dan undang-undang negara kita sendiri. Beginilah juga halnya mengenai *master plan* ataupun program-program yang pernah dibuat pada tahun-tahun sebelumnya di bawah kementerian-kementerian. Sebaliknya apa yang kaola/saya lihat kebanyakan diganti dengan program-program yang baharu seharusnya kita belajar dari mana salah silapnya suatu *master plan* ataupun program itu dahulu sebelum memperkenalkan sesuatu program yang juga belum pasti keberkesannya pada jangka masa yang panjang.

Oleh itu, kaola menyeru mana-mana program yang telah dihentikan tetapi mempunyai potensi yang cerah untuk diperbaiki dan seperti akan memberikan hasil yang memuaskan supaya akan dapat dikarihi dan diperbaiki lagi kelemahannya. *Time is an accent* untuk kitani untuk mencuba segala *trial* dan *error*.

Kaola/saya serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat berharap bahawa apa yang bakal kita bincangkan dan bahaskan dalam Dewan yang mulia ini akan lebih kukuh, konsisten dan bermanfaat dan janganlah isu-isu ini hanya dibahaskan dan diutarakan tanpa adanya susulan pelaksanaan. Perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya belum, maka perlulah membuat kaji selidik akan mengapa keberkesanan yang belum dapat dilihat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah sangat mengalu-alukan permuzakarah susulan dan perbincangan yang terbuka serta telus demi mencapai kesepakatan dan hasil positif untuk pertumbuhan komuniti, masyarakat dan negara.

Sekian وبالذات التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di Pertua:

Saya persilakan pula Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi menyembahkan ucapan sepenuh-penuhnya dan menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan

berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda amatlat padat dengan nasihat, peringatan dan berpandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin tertinggi di negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan senantiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhannahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Baginda menyarankan kepada Ahli-Ahli yang dilantik supaya akan dapat mengemukakan buah fikiran dan idea serta cadangan-cadangan yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara. Inilah masanya kita sebagai ahli mesyuarat negara membincangkan perkara-perkara yang substantif dan perkara-perkara yang di peringkat *working implementational* atau *departmental level* bisailah kitani bincangkan lebih terperinci semasa permuzakarah kitani bersama agensi-agensi yang berkenaan dan alhamdulillah sudah banyak jua diadakan. Saya menyeru kepada mana-mana agensi yang ingin bermuzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat baik agensi kerajaan, swasta mahupun *NGO* atau akar umbi untuk sama-sama kitani terus berinteraksi secara konsenses ini dan yang lebih penting memperlihatkan hasil dari perbincangan kitani tersebut.

Seterusnya baginda bertitah agar perhatian dan usaha berterusan perlu

diberikan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sudah ada beberapa usaha ke arah tersebut terutama sekali dalam menggalakkan para belia menerajui pembangunan negara dari segi ekonomi, badan-badan sukarela, syarikat-syarikat korporat dan lain-lain.

Di sini, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian-kementerian sendiri jua perlu mempunyai sikap *entrepreneurial* dan tidaklah hanya menyandarkannya kepada badan-badan korporat atau pihak swasta sahaja.

Contohnya dalam laporan JPKE di dalam Brunei Darussalam *Key Indicators* 2016. Sektor kerajaan menyumbang kepada kira-kira 18.3% dalam keluaran dalam negara kasar dengan minyak dan gas masih lagi 51.8% dan pihak swasta 29.8%. Sudah tiba masanya untuk setiap kementerian untuk mempunyai strategi dalam meningkatkan lagi sumbangan hasil kepada pendapatan kerajaan ini. Jika belum ada susun dan rancangkanlah strategi tersebut. Jika sudah ada kaji semula akan keberkesannya. Baginda jua amat prihatin dan memberi penekanan akan *food security* kitani dan juga perkembangan sektor pertanian.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita sudah ada belia yang berkelulusan serta berani dalam meneroka idea-idea baharu. Apakah kiranya fokus kitani bukan sahaja dalam pembangunan belia ataupun dipanggil *Youth Development* akan tetapi belia di dalam pembangunan belia iaitu *Youth In Development*. Kedua-dua ini berbeza

iaitu pembangunan belia membentuk para belia kitani untuk menjadi belia manakala belia dalam pembangunan ialah melibatkan belia ini di dalam membangunkan dan memajukan negara. Sudah ada belia kitani yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang baik keusahawanan, kemasyarakatan atau kemanusiaan dan lain-lain, serta ada jua menjadi perintis dan diiktiraf dengan anugerah-anugerah di peringkat kebangsaan dan serantau.

Berbalik kepada perkara tadi, kita libatkan kepada para belia yang berkelulusan dan berkemahiran ini yang ingin membuat perubahan untuk berbudi kepada tanah serta mahu menerokai sektor pertanian dengan teknologi yang lebih efisien seperti *automation, vertical farming, hydroponik*, serta akoponik dan bioteknologi.

Contoh terdekat dalam sektor pendidikan. Cukup kah sudah penuntut-penuntut kitani yang dihantar berkursus ke luar negara dalam bidang pertanian. Juga adakah Program *i-ready* yang dilancarkan pada tahun lepas turut menyalurkan graduan-graduan berkelulusan berkaitan dengan sektor pertanian dimasukkan ke dalam sektor tersebut. Dunia sedang memasuki era industri 4.0 atau *Industrial Revolution*. Kitani berharap perkembangan ekonomi kitani akan turut mengadaptasikannya dalam menggiatkan serta meningkatkan ekonomi kitani.

Menyentuh mengenai pekerja tempatan yang belum ramai dalam *top*

management saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menyusun *career path* bagi pekerja-pekerja tempatan kitani baik di mana-mana sektor kitani bukannya in da mampu cuma perlu dikarihi lagi perkara ini. Adakah kitani *self-doubting* akan orang-orang kitani? Jika ya, maka upayakanlah diri sendiri dan mereka untuk lebih maju dan dalam mana-mana bidang. Dalam pelaksanaan akta memanglah perlu berhemah dan ada sifat *empathy* kebruneian kitani dalam melaksanakannya. Akan tetapi jika sudah dilaksanakan dengan baik dan para pesalah masih juga berdegil maka lakukanlah tugas tersebut bagi yang diberi kepercayaan dan bertanggungjawab. Bagi orang ramai ikutlah peraturan dan undang-undang yang diberikan. Jika ianya dapat diperbaiki sampaikanlah dimana-mana saluran yang betul dan efektif seperti dengan bermuzakarah, membuat laporan formal dan lain-lain.

Terakhir sekali mengenai kebersihan. Saya cuma ingin menyentuh ia cuma perlu diterapkan sejak kecil lagi. Beberapa tahun dahulu kempen kebersihan sekolah sering kali diadakan sehingga ada yang melaksanakannya seminggu sekali baik di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Kanak-kanak sekolah memegang hos bomba membersihkan longkang dengan pengawasan guru, membuang sampah sehingga ke rumah sampah serta menyapu dan membersihkan kelas.

Sekarang, ada indung bapa tidak membenarkan malah menyalahkan guru

yang mengajar anaknya menyapu di dalam kelas. Ini adalah *life skills*. Saya seru kepada semua untuk menyokong dan menghidupkan semula suasana bermucang-mucang di dalam membersihkan sekolah sebagai didikan awal untuk generasi muda kitani untuk sifat sukarela *inda camah mata* dan bertanggungjawab akan persekitaran dan kawasannya.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengambil baik usaha-usaha kerajaan, NGO dan swasta yang berjumpa dan berkomunikasi dengan pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang tahun lepas. Saya berharap lebih banyak lagi yang akan mengadakan permuakarahannya ini untuk kebaikan kitani jua. Saya menyeru jua mana-mana persatuan atau institusi-institusi belia atau kliennya adalah belia bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin berinteraksi bersama biskita dalam sama-sama menjadikan belia dalam pembangunan atau *Youth Indevelopment* tadi lebih ramai di luar sana.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola/ saya menyokong sepenuhnya akan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi mengucapkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menyembahkan ucapan sepenuhnya dan menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Titah baginda benar-benar mencerminkan keprihatinan baginda dalam memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa

hidup dalam aman damai dan penuh kemakmuran.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Baginda paling kuat menyentuh akan kepentingan negara kita dalam KDNK negara ini melalui dengan mempelbagaikan ekonomi negara dengan tidak bergantung pada minyak dan gas yang harganya tidak menentu. Kemelesetan ekonomi bukan lagi satu isu yang baru di dengar, malahan ia bukan hanya berlaku di negara kita.

Menurut statistik JPKE dan *IMF*, KDNK Negara Brunei Darussalam terus mengecut dari setahun ke setahun dan ini sangat membimbangkan. Namun pendedahan isu ini belum lagi ditekankan dalam kalangan masyarakat. Banyak perkara yang perlu diperbaiki masih dijalankan secara *business as usual* tanpa mengambil kira sama ada ia akan berdaya tahan pada masa akan datang.

Baginda menyentuh tentang kepentingan meneroka pertanian dalam negara ini. Pihak kerajaan telah banyak memperkenalkan program yang bersesuaian bagi membantu sama ada dari segi kewangan ataupun sumber bagi menggalakkan penglibatan orang ramai terutama sekali belia dalam mengiatkan diri dalam pertanian.

Di samping itu kursus-kursus juga ditawarkan seperti di *IBTE Wasan*, bagi meneroka teknik pertanian moden yang dapat membuahkan hasil yang lebih tinggi. Di sini yang penting ialah

kemahuan dan usaha dalam menjalankan sektor ini. Namun kita juga haruslah berwaspada tentang perubahan iklim yang mungkin menjejaskan kehidupan kita di negara ini. Keadaan banjir semakin buruk dalam masa kebelakangan ini dan ia salah satu tanda kesan perubahan iklim. Jika ia tidak terkawal, hasil pertanian dan perikanan boleh terjejas.

Baginda juga menyentuh tentang penglibatan anak tempatan dalam memegang jawatan tinggi seperti Pengarah Urusan. Pendedahan pada usia yang muda sangat penting bagi memupuk sifat kepimpinan dalam kalangan anak tempatan. Di samping itu syarikat-syarikat swasta juga mempunyai peranan dalam memastikan terdapatnya perkembangan kerjaya bagi membolehkan tenaga kerja tempatan berkembang. Kaola menyokong penuh tentang isu kebersihan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang mengenainya. Akta Sampah dan Akta Rokok di negara ini sepatutnya tidak dipandang lewa kerana kesannya boleh memberatkan semua pihak.

Dalam masa setahun kebelakangan ini, banyak yang telah kaola pelajari dari mendengar taklimat dan muzakarah bersama pihak kerajaan dan bukan kerajaan dan juga melalui sesi dialog bersama lapisan rakyat yang terdiri daripada belia yang masih menuntut, belia yang belum mendapatkan pekerjaan, belia aktif kerja kemasyarakatan, orang kelainan upaya, belia profesioanal dan sebagainya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ melalui sesi pendekatan tersebut, sedikit sebanyak dapat kaola fahamkan tentang jurang dalam mencapai matlamat negara. Kekurangan dialog terbuka hanya meningkatkan keluhan daripada orang awam. Ia juga berpotensi untuk merugikan kerajaan apabila projek tidak dapat berjalan dengan lancar kerana ia tidak bersesuaian dengan kemahuan rakyat. Pembangunan tidak boleh dicapai tanpa penglibatan orang ramai.

Oleh itu proses meneliti semula dasar haruslah melibatkan perundingan dengan pihak berkepentingan. Dalam mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Wawasan Brunei 2035, kita tidak boleh leka. Masih banyak perubahan dan pembaikan perlu dibuat termasuklah infrastruktur jalan raya, pengangkutan awam, pembangunan kapasiti bagi guru-guru di sekolah, *e-government* dan sebagainya. Tetapi semua ini memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Di samping itu unsur-unsur negetif seperti rasuah dan nepotisme juga perlu dibasmi bagi memastikan peluang yang diberikan itu adil dan mampu membawa kebaikan. Kita juga perlu menggalakan penyertaan inklusif dalam semua peringkat termasuklah keperluan orang kelainan upaya. Tetapi yang penting sekali ia bukanlah tanggungjawab kerajaan sahaja dalam memastikan kehidupan kita terjaga. Rakyat juga mempunyai peranan sendiri dalam mencari peluang yang sedia ada dan

menimba ilmu dan pengetahuan yang berguna. Sifat mudah percaya terhadap mesej tular tanpa mengira kebenarannya dan *online keyboard warrior* cuma akan memberi kesan yang negatif.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya. Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara berkenan menyampaikan titah pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri baru yang dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga kepada mantan-mantan menteri atas sumbangan bakti mereka terhadap negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana titah Baginda adalah amat padat dengan nasihat, peringatan dan pandangan yang jauh yang mencerminkan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kesejahteraan negara dan rakyat penduduk negara ini akan sentiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh titah baginda yang perlu diambil perhatian ialah mengenai mempelbagaikan ekonomi negara berdasarkan pertumbuhan ekonomi yang diramal masih paras yang rendah di samping mengawal keseimbangan fiskal dalam masa panjang dan pendek.

Kaola rasa masih diperlukan negara ini untuk melihat kepada projek-projek untuk menarik pelabur-pelabur negara iaitu *FDI*, projek *PPP* dan perlulah diteruskan tetapi kitani harus berhati-hati memastikan bahawa keperluan negara seperti memberikan peluang perniagaan syarikat-syarikat tempatan dan memberikan peluang pekerjaan harus diambil kira dan juga tidak lupa kepada konsep negara Melayu Islam Beraja. Perkembangan industri dalam negara harus dilipatgandakan, dibantu dan perlu meningkatkan lagi *R&D* bagi membantu pengusaha-pengusaha negara.

Salah satu cara mempelbagaikan ekonomi negara yang ditekankan dalam titah baginda iaitu dalam bidang pertanian adalah menjadi keperluan bersama dalam memastikan sumber-sumber pertanian baharu pihak kerajaan perlu menjadi *role model* berada di hadapan sebagai contoh terbaik negara. Menyediakan segala keperluan dari segi tenaga, pusat penyelidikan sumber tanah, sistem air dan jentera dan sebagainya.

Dengan menggunakan sistem yang dipanggil *push and pull factor*, para tani akan lebih mudah akses menceburi bidang pertanian yang menjadikan bidang ini salah satu bidang utama pekerjaan yang mudah dan secara tidak langsung ini akan dapat mengurangkan jumlah pengangguran dalam kalangan rakyat negara ini dan menambahkan lagi jumlah hasil dalam bidang pertanian.

Selain itu, para belia khususnya para pelajar institusi teknikal, mahupun institusi tinggi yang berminat untuk menerokai atau mengetahui lebih mendalam lagi dalam bidang pertanian akan tetap memilih bidang pertanian sebagai bidang yang dapat memberikan hasil pendapatan secara *individual, regional* dan nasional. Para belia akan lebih cenderung dengan ilmu pertanian secara inovatif dan menghasilkan sumber-sumber pertanian dengan secara lebih berkesan dan berdaya tahan.

Para belia juga golongan yang perlu digalakkan untuk meneruskan bidang ini kerana merekalah generasi yang akan meneruskan dalam menjayakan matlamat negara hadapan.

Di samping itu, *mindset* para petani diadaptasikan dengan fikiran yang lebih terbuka dengan berkongsi apa jua cara fizikal, intelektual dan mentaliti agar hasil yang diperolehi dapat juga dikongsikan bersama, bak kata peribahasa "Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing". Contohnya, dalam satu bidang tanah yang luas diusahakan oleh lebih dari seorang petani atau pengusaha yang saling membantu di kalangan petani maka lebih ringan dan mudahlah kerja yang dilakukan.

Agensi-agensi kerajaan juga perlu lutan dalam menyediakan *platform* bagi memperoleh hasil sumber pertanian agar ia tidak disia-siakan dan akhirnya pupus sekelip mata.

Di samping itu, dalam pemasaran negara juga dapat memberi impak keluaran negara kasar (KDNK) yang lebih *sustainable* dan berpotensi untuk memasarkan keluar negara, insya-Allah. Dengan itu, semua pihak perlu mengambil perhatian agar kita sama-sama dapat berganding bahu dalam menjayakan dalam bidang pertanian supaya ia tidak terbiar dan hasil buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan tidak akan pupus demi masa hadapan bangsa dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk melangkah ke hadapan, kaola berpendapat tibalah masanya apa jua yang telah baginda titahkan akan dapat kita sama-sama melaksanakan dengan jayanya. Titah baginda adalah amanah dan misi baginda. Cita-cita baginda adalah tidak lain dan tidak bukan adalah melihat kesejahteraan Negara dan rakyat akan sentiasa terpelihara untuk hari ini, esok dan seterusnya.

Sekian, Wabillahit taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian.

Dalam ucapan menjunjung kasih terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas titah baginda semalam. Kaola menyokong sepenuhnya Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta kandungan ucapan Yang Berhormat itu.

Pada pendapat kaola, titah baginda itu sebuah titah yang menjurus kepada dasar penting ke arah kemantapan ekonomi, ke arah peningkatan hasil-hasil pertanian terutama penghasilan makanan asasi beras sehingga boleh mencapai sara diri bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Perlunya

penguatkuasaan undang-undang, misalannya mengenai kebersihan, rokok dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagaimana jua titah baginda, harga minyak sekarang ini turun naik antara 50 ke 70 *US Dollar* satu tong. Keadaan ini menyukarkan kita yang banyak bergantung pada hasil minyak dan gas. Dalam keadaan tidak stabil ini, maka negara tidak dapat bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas. Kaola percaya kerajaan masih perlu berbuat banyak untuk mempelbagaikan penghasilan ekonomi terutamanya melalui pelaburan dari luar negara.

Projek Mega Pulau Muara Besar misalannya. Pada pendapat kaola sangat berfaedah bagi menjana ekonomi yang besar kepada negara. Kita rakyat negara ini tidak usah bimbang akan kehadiran pelabur-pelabur asing.

Kaola percaya akibat kehadiran pelabur-pelabur asing itu pihak kerajaan boleh menangannya dengan baik. Lagipun pelaburan itu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan sekurang-kurangnya sebahagian pengangguran dapat dikurangkan.

Menyentuh mengenai pertanian, terutama penghasilan beras. Memang ada kekhawatiran kita jika tidak dapat menyara diri sendiri terutama jika berlaku sesuatu di luar dugaan misalannya negara pengeluar beras tidak mampu mengeksport beras lagi kepada kita. Sebagai contoh betapa

sukarnya kita di negara ini dalam zaman penjejahan Jepun selama lebih dari 3 tahun kerana kekurangan beras kita terpaksa makan ubi kayu sebagai ganti beras, ubi kayu bukan makanan asasi bagi kita di negara ini.

Menyentuh mengenai penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, kaola sependapat dengan titah supaya ia dilaksanakan dengan lebih berkesan agar rakyat terdidik dengan kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata.

Di Kampung Air misalnya kita dapat melihat usaha-usaha pengutipan sampah dengan perahu-perahu berenjin setiap hari. Tapi yang nyata sampah terus juga belabuyan di sungai Brunei. Apakah sebabnya ini terjadi? Pada pendapat kaola tidak lain, kerana kita kekurangan kesedaran sivik dan tidak terdidik dengan kebersihan. Tidak seperti di negara Jepun misalannya, krisis kekotoran itu hampir tidak timbul kerana rakyat Jepun sedari kecil iaitu dari kanak-kanak terdidik dengan kebersihan dan membuang sampah dengan teratur.

Untuk mendisiplinkan rakyat di negara ini, supaya jadi orang-orang pembersih barangkali di peringkat awal ini kerajaan perlu tegas melaksanakan undang-undang dan peraturan dengan mengenakan kompaun atau denda yang agak berat terhadap mana-mana syarikat atau kedai yang mengabaikan kebersihan atau terhadap orang-orang perseorangan yang membuang sampah merata-rata. Di Singapura, membuang

pontong rokok boleh mengundang satu kompaun yang besar untuk dibayar. Sebab itu orang takut membuang pontong rokok merata-rata.

Sebagai satu pemikiran berhubung dengan pertanian, kita dapati tanah-tanah pertanian di negara ini terlalu terhad dan pengairannya pun terhad. Mungkin tidak mencukupi untuk penanaman padi secara besar-besaran yang membolehkan kita menghasilkan beras yang mencukupi sara diri.

Bagaimana kalau kerajaan membuat kajian, kemungkinan kita membuat usaha sama dalam penanaman padi dengan pihak-pihak tertentu di sebahagian negara-negara ASEAN umpamanya di Vietnam, Laos, Malaysia dan Kemboja.

Apa salahnya kalau dengan cara itu bekalan beras kita terjamin pada masa-masa akan datang. Lagipun, sebahagian rakyat tempatan boleh menimba pengalaman dalam bidang pertanian penanaman padi itu di negara berkenaan. Tetapi andainya hasil kajian itu tidak memihak kepada pertanian kita, cadangan itu boleh diketepikan.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,
Ahli-Ahli Yang Berhormat
dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang baru dilantik dan yang dilantik semula. Sesungguhnya, kaola menyokong penuh cadangan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Maka dengan ini, kaola mengambil kesempatan menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda serta seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas pada hari Isnin kelmarin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Kaola akan sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat serta menanai tanggungjawab ini bersungguh-sungguh seperti yang diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kebolehan dan fikiran kaola memikul dengan ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dalam membincang dan membahaskan isu-isu yang dianggap mustahak terutama sekali yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk dan rakyat negara ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Peranan besar abis kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berganding bahu bersama agensi-agensi berkenaan sebagai pemacu kepada pembangunan negara iaitu sentiasa berpandangan jauh ke hadapan dan perlu terus aktif mempelbagaikan ekonomi negara dengan melakukan tindakan sesuai dengan keadaan sekarang dan akan datang iaitu berkenaan dengan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas serta menyokong hasrat kerajaan, berbelanja secara berhemat dan berjimat cermat.

Walaupun pada akhir-akhir ini, harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif tetapi peningkatannya masih perlahan dan pertumbuhan ekonomi tetap sahaja masih berada pada paras yang rendah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah baginda yang berkali-kali sejak kebelakangan ini iaitu

mengenai inginkan peningkatan aktiviti pertanian khususnya bertanam padi bukanlah suatu yang dipandang ringan. Baginda inginkan usaha yang jitu bagi negara ini menghasilkan beras untuk menyara diri sendiri. Kalau kita kembali mengenang tahun-tahun 1960-an ke bawah, maka pada waktu itu generasi berpadi.

Setiap keluarga menghasilkan beras sendiri tanpa membeli beras-beras import malah ada kelebihan lagi untuk dijual dan menyimpan benih untuk tanaman seterusnya. Kalau generasi waktu itu tiada berpendidikan tinggi, tiada kepakaran canggih tetapi boleh, maka sekarang ini tentu lebih lagi boleh.

Dalam mendukung perkara yang tersebut di atas, sokongan pihak berkenaan bagi memberi kemahiran, pengalaman, pendidikan dan pemantauan serta modal yang bersesuaian dalam keusahawanan adalah perlu. Iaitu penyediaan kemudahan seperti tapak berpadi di setiap daerah dan mukim. Penyediaan benih berbagai-bagai versi iaitu tidak terhad kepada benih tertentu sahaja, bantuan racun kawalan perosak, stok baja yang mencukupi, saluran dan bantuan membersihkan dan membajak.

Dengan cara ini, akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Menggalakkan penyertaan apabila dapat dibantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang *pro-business*.

Selain itu, proses atau tatacara atau peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan adalah sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang menghambat atau menghalang kemajuan harus diambil perhatian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh tentang pengurusan dalam penghasilan minyak dan gas, baginda bertitah masih terdapat jawatan ini belum pernah dipegang oleh anak tempatan, namun umur penemuan sumbernya ini hampir mencecah satu abad dan jawatan-jawatan penting ini masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja luar.

Bagi mengatasi perkara ini, pihak konsultan dan pengurusannya yang terdiri daripada orang luar hendaklah betul-betul jujur mencurahkan ilmu mereka dan memberikan peluang anak tempatan memegang jawatan berkenaan setelah tamat kontrak dan bukannya memberi lagi peluang pengganti kepada orang luar berterusan hingga berpuluh tahun.

Dengan cara ini, orang tempatan dapat meningkatkan kemahiran dan pengalaman mereka yang berkaitan dengan industri berkenaan serta dapat mewujudkan perubahan tatacara kerja yang lebih efisien.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menyentuh tentang kemahiran adalah antara sesuatu yang amat perlu bagi menjadikan Negara Brunei maju. Bagi mendapatkannya adalah dengan mengikuti kursus-kursus di sekolah-sekolah vokasional, teknikal,

kejuruteraan, Pusat Pembangunan Belia dan mendapatkan pengalaman di industri-industri perdagangan, pertanian dan bengkel.

Selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan dan meningkatkan pencapaian agar kepelbagaian kemahiran ini lebih meluas dan dapat dikecapi oleh semua rakyat. Maka perlunya ada juga sekolah-sekolah vokasional dan kemahiran di daerah-daerah yang belum ada, khususnya di Daerah Tutong, Bangunan Mahkamah Lama Daerah Tutong boleh diguna pakai sebagai pusat kemahiran belia daripada ditinggalkan begitu sahaja.

Di sekolah-sekolah dan maktab-maktab dan pengajian tinggi mungkin boleh diserapkan sistem pendidikan berkembar iaitu kemahiran di samping akademik, terutama dalam bidang pembuatan yang boleh membantu dan relevan dengan kehendak negara dan Pelaburan Langsung Asing iaitu *FDI* yang bergantung pada sumber tenaga tempatan. Pengetahuan dalam bidang kemahiran dan pembuatan adalah sebagai pemangkin dalam apa juga bentuk pekerjaan terutama kepada yang boleh menjana ekonomi negara.

Menyentuh titah baginda tentang pembersihan Negara Brunei, baginda menekankan tentang denda Akta Pembuangan Sampah yang masih menjadi keraguan sama ada ia boleh memberikan kesedaran atau tidak kepada masyarakat perlu diambil perhatian dan kajian.

Jenis sampah adalah berbeza-beza, ada yang mudah dilupuskan iaitu sampah kotoran domestik dan sampah sukar dilupuskan iaitu sampah kilang dan pembinaan.

Oleh itu, menilai denda kompaun tentulah berbeza juga. Begitu juga menilai denda kompaun syarikat-syarikat perusahaan dan denda kompaun orang-orang persendirian tentu juga berbeza. Dalam menjayakan Akta Sampah dan Kotoran ini tentulah adanya pelaksanaan secara menyeluruh iaitu bukan sahaja pegawai penguat kuasa, malah orang ramai juga ada merasa tanggungjawab.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2007 sempena menyambut Hari Kebangsaan Ke-23 Tahun, antaranya; *"Di sini, suka Beta juga mengingatkan supaya pihak mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar menjadikannya menarik dan bersih, tidak terdapat sampah sarap yang berselerak terutama di tempat-tempat membeli belah, pasar-pasar termasuk juga pasar tamu dan pasar tani."*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Baginda juga menyentuh tentang pelaksanaan Akta Rokok yang dianggap boleh dipersendakan kerana kelemahan kita sendiri.

Oleh itu, baginda mengharapkan supaya didaulatkan menerusi pelaksanaan. Baginda juga pernah bertitah mengenai pengharaman rokok pada 15 September

2013 sempena Hari Keputeraan baginda Yang Ke-60 tahun berbunyi *"Apakah lagi yang ditunggu itu, hukum haram merokok sudah pun lama difatwakan. Begitu juga mudarat merokok sehingga membahayakan nyawa sudah dikenal pasti."* Malah perkara ini sering diulang-ulang dalam ucapan-ucapan, namun rokok masih sahaja dijual, dibeli dan dihisap oleh rakyat termasuk oleh orang-orang Islam sendiri. Sampai bilakah lagi untuk kita bertindak tegas menamatkan orang ramai dan negara daripada bahaya rokok.

Dari titah baginda yang berulang-ulang mengenai rokok, jelas kepada kita bahawa baginda mahu bahawa Akta Rokok ini betul-betul dilaksanakan tanpa keraguan.

Dalam hubungan ini, tanggungjawab masyarakat, ibu bapa terhadap anak-anak, guru-guru terhadap pelajarannya supaya berkerjasama dalam menyalurkan pendidikan dan maklumat bahaya kesan merokok dan individu Islam sendiri ada kesedaran bahawa rokok itu adalah haram kerana ia membinasakan diri sendiri dan orang lain yang berhampiran.

Akhirnya, sebagai penutup marilah kita bersama-sama berdoa semoga negara kita sentiasa dalam aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat beroleh

kesejahteraan dan rahmat serta hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, sekian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan saya masih mempunyai senarai yang agak panjang yang mengandungi nama-nama Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta memberikan kenyataan dan ucapan-ucapan mengenai Usul ini.

Maka saya cadangkan, ada baiknya kita berehat dulu selama 15 minit dan kita akan menyambung semula perbincangan-perbincangan

tersebut إِنْ شَاءَ اللَّهُ

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan kita masih lagi membahaskan Perkara VI Usul-usul Yang Telah Diberi Notis iaitu satu Usul telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya perbincangan kita teruskan dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin : Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَيَمُنُّ عَلَى الْأُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَالسَّلَامُ عَلَى أَكْثَرِ الْمُرْسَلِينَ. سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatannya, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara Zon 1 Daerah Belait lebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan penuh hormat dengan ini menyatakan bahawa kaola menyokong sepenuhnya atas Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pada menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan mencemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya limpah perkenaan mengurniakan titah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola amat menjunjung tinggi dan menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan agar majlis ini akan dapat bersidang dan mengemukakan buah fikiran dan cadangan-cadangan yang dapat membawa perubahan kepada negara.

Sudah semestinya kita sebagai anak watan negara ini yang taat setia di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam harus menyedari dan menghayati setiap kalimah dan titah yang disampaikan akan dapat ditandai dan disempurnakan sebagai tanggungjawab bersama.

Ini bukanlah semata-mata ia terletak para pemimpin atau peneraju-peneraju kepada kementerian sahaja bagi merealisasikan apa yang dititahkan;

Bahkan kepada seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam adalah berperanan dan bersama-sama bertanggungjawab menjunjung titah dan bergerak tampil melaksanakan mengikut bidang masing-masing demi untuk mencapai perubahan kemajuan pada negara kita, Negara Brunei Darussalam.

Oleh sebab itulah demi laila hasrat yang murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam wajiblah kita mengamati dengan lebih teliti untuk mendapatkan resolusi yang berkesan ke arah pelaksanaan yang melibatkan kesedaran segenap pihak dan lapisan masyarakat bagi menuju ke arah perubahan yang menjadi hasrat negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amatlah jelas dan ia adalah wajar bagi pihak-pihak berkenaan pada melaksanakan demi mencapai perubahan-perubahan yang besar boleh terlaksana.

Kita bangga dan bersyukur atas rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berkat negara zikir dan penghayatan Negara Melayu Islam Beraja yang berdaulat Allah limpahkan

rezeki dalam bumi Negara Brunei Darussalam iaitu minyak dan gas.

Dalam penghasilan minyak dan gas ini kita seperti rasa selesa sahaja sepanjang abad pengeluaran yang terus diusahakan kebanyakan pekerjaannya adalah pekerja-pekerja asing. Begitu juga jawatan-jawatan tinggi disandang oleh pekerja luar atau pekerja asing. Ini bererti tidak ada anak tempatan menduduki jawatan tinggi di syarikat minyak mahupun gas, bagi fikiran kaola ada baiknya wajar diselidiki atau membuat kaji selidik oleh kementerian yang berkenaan, punca-punca yang berlaku bagi mengatasi ketandusan ini.

Kaola juga menyarankan supaya syarikat minyak dan gas dan industri-industri dan syarikat swasta yang beroperasi di negara ini akan mengadakan perundingan dengan pihak Kementerian Pendidikan apakah pengajian-pengajian, jurusan-jurusan yang mereka perlukan untuk kepentingan syarikat dan industri berkenaan supaya jurusan itu diadakan dan dibuat pengajiannya di pusat-pusat pengajian di mana jua umpamanya di *IBTE* atau *UTB* di bawah Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Pekerja atau penuntut terdiri daripada anak tempatan sebagai bakal pekerja-pekerja yang akan mengisi jawatan-jawatan yang diperlukan oleh pihak swasta dan industri-industri di negara ini setelah ia dikenal pasti untuk pihak swasta dan industri.

Sebagaimana juga titah limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menyentuh bagi bidang pertanian khususnya dalam perkembangan pertanian padi sebagai makanan asasi utama negara iaitu beras yang hasilnya belum dapat mencapai matlamat ke arah hasil sara diri bagi rakyat Negara Brunei Darussalam dan secara tidak langsung juga memberi peluang kepada rakyat asing yang jumlahnya ratusan ribu di negara kita menerima kepentingan ini.

Dalam mencapai ke arah penghasilan sara diri ini usaha-usaha pihak yang berwajib dalam agensi kerajaan akan dapat melipatgandakan usaha ke arah sasaran yang dihasratkan itu sebagai usaha yang wajar pada menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Undang-undang antaranya mengawal kepentingan kita supaya sentiasa mengikut lunas-lunas yang ditentukan dalam sesebuah negara bagi tujuan keharmonian dan kesejahteraan kehidupan masyarakat negara itu.

Kesalahan yang dibuat dan menyalahi kehendak undang-undang maka ia mesti dilaksanakan dan diambil tindakan sabit kesalahan seseorang itu sudah pastinya jua. Pegawai-pegawai yang dilantik akan menjalankan kewajipan dan bertanggungjawab memantau keadaan bagi mengelakkan berlakunya

peningkatan pelaku kesalahan. Dalam perkara ini menjalankan tugas sebagai satu amanah yang diberikan dan bersikap adil adalah suatu sikap yang terpuji.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat dan dengan izin-Nya jua, makanya kaola berkesempatan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali lagi di Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Dalam sempatan ini juga kaola merakamkan ucapan tahniah kepada menteri-menteri yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga kepada mantan-mantan menteri atas sumbangan bakti mereka terhadap negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola selaku pemimpin masyarakat akar umbi dan mewakili Zon 2, Daerah Belait dengan rasa rendah diri menyokong sepenuhnya Usul yang diutarakan oleh Penasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Dato Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga menjunjung tinggi atas keprihatinan baginda dalam memedulikan suara dan kesejahteraan rakyat yang baginda kasihi. Baginda tidak mahu rakyat baginda dijanjikan dengan kata-kata manis yang membuat mereka terlena. Baginda sangat-sangat memerlukan tindakan yang cepat bukan masanya lagi untuk kita membuat kajian semata-mata. Yang penting sekarang ialah tindakan selaras harapan dan matlamat dan Wawasan Brunei 2035 untuk melihat rakyat hidup dalam kesejahteraan, keamanan dan keselesaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh mengenai bidang pertanian,

terutamanya makanan asasi negara iaitu beras, sudah tiba masanya bergerak cergas untuk mengaktifkan bidang pertanian untuk menjana ekonomi yang lebih mapan seperti melipat gandakan usaha hasil penanaman padi untuk menghasilkan beras supaya dapat merespons titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 dan sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Negara Menteri-Menteri Kabinet bertempat di Istana Nurul Iman pada 21 Jamadilakhir 1439 bersamaan 07 Februari 2018 yang lalu.

Mindset pengusaha dan peladang kita mestilah berubah dan berkembang serta berani menerokai dengan lebih jauh lagi. Penglibatan para belia dalam bidang pertanian memang tidak dinafikan. Maka usaha-usaha untuk meyakinkan dan menyuntik para belia mestilah dipertingkatkan lagi.

Pendedahkan berpadi dengan menggunakan kaedah moden perlu diperluaskan. Pihak kerajaan pula jangan mengalah dan terus berusaha membimbing serta membantu pengusaha ladang yang aktif dalam bidang masing-masing. Tanah paya yang terbiar haruslah diusahakan bagi tujuan penanaman padi.

Sudah tiba masanya menubuhkan industri padi yang melibatkan syarikat-syarikat besar dan kerajaan pula harus menyediakan kemudahan seperti tanah untuk diterokai bagi tujuan penanaman padi. Setiap masalah padi mestiah dicari puncanya dan ditangani secara bijak oleh pihak yang berkenaan. Jadikan penanaman padi sebagai subjek utama untuk diambil perhatian kerana baginda mahu melihat Negara Brunei Darussalam mampu menjana ekonominya sendiri serta mampu sara diri tanpa bergantung harap dari negara-negara luar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Negara sudah merdeka selama 34 tahun, jika diterjemahkan kepada manusia setentunya ia sudah dewasa dan boleh berdikari, tetapi negara kita masih bergantung harap pada tenaga luar dalam mentadbir organisasi atau syarikat-syarikat besar di Negara Brunei Darussalam.

Sudah tiba masanya anak-anak tempatan mengambil alih untuk mengemudi syarikat-syarikat gergasi ini. Berilah sokongan serta keyakinan dan kepercayaan kepada mereka. Bimbingan perlu diberikan kepada mereka supaya mereka mendapat pengalaman serta kemahiran dalam pelbagai bidang terutama bidang pentadbiran sebelum menduduki kerusi atau mengambil alih jawatan tertinggi dalam syarikat-syarikat tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam isu kebersihan pula, kita perlu mempertajamkan *mindset* dan memberi

kesedaran kepada rakyat mengenai jati diri kita orang Brunei yang mempunyai sikap budi bahasa, luhur serta mengamalkan kebersihan. Menyemaikan sikap menjaga kebersihan mestilah diterapkan kerana ia merupakan amalan yang dianjurkan oleh agama Islam.

Pendidikan secara teladan sangat membantu dalam mendidik mengenai sikap pembersih. Manakala yang diamanahkan untuk melaksanakan undang-undang mestilah menjalankan dengan jujur, tegas tanpa teragak-agak. Jumlah denda juga mesti dinaikkan tanpa memberi kesempatan serta ruang untuk mengulangi kesalahan tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya titah baginda sangatlah bernas, padat dan merupakan satu peringatan dan perintah yang perlu ditanai oleh semua pihak yang terlibat. Sesungguhnya semua ini untuk memastikan Wawasan Brunei 2035 mencapai demi kesejahteraan, keamanan serta kesejahteraan penduduk serta rakyat Negara Brunei Darussalam jua.

Akhirnya, mudah-mudahan kita semua dapat bemesyuarat dengan penuh iltizam serta merancang ke arah yang dihasratkan dan selebihnya ktia berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dipermudahkan segala urusan kita bak kata pepatah "Berkat Muafakat Membawa Berkat.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. dengan memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan hidayah serta izin-Nya jua dapatlah kita hadir di Dewan ini bagi mewakili rakyat dan penduduk khususnya Daerah Temburong dengan rendah hati dan tulus ikhlas merafakkan sembah dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Dewan yang indah ini pada hari Isnin 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 sempena Istiadat Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda mengurniakan titah.

Keberangkatan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah limpah dan kurnia yang ditunggu-tunggu dan nilai nasihat ingatan serta pandangan jauh baginda. Maka dalam kesempatan

dalam Majlis yang mulia ini kaola juga turut bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menyokong Usul menjunjung kasih yang telah dibawakan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas keberangkatan baginda di Majlis yang mulia ini semalam dan seterusnya baginda berkenan mengurniakan titah.

Di kesempatan ini juga kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik Kerana Jawatan yang baru dilantik dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan-mantan Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan sumbangan yang amat berharga sepanjang perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya kita merasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menjadikan negara kita sebagai negara yang aman makmur lagi sejahtera atas kepimpinan, kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui kepimpinan negara ini, lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati kehidupan yang

aman bahagia penuh reda dengan rahmat Allah walaupun hasil negara yakni hasil minyak dan gas menghadapi pasang surutnya.

Menyedari hakikat ini baginda berpandangan bahawa melalui kementerian-kementerian yang berkenaan diharapkan akan dapat menyusun strategi pembangunan khususnya dalam mempelbagaikan sumber perekonomian negara.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, wajarlah kita mengambil perhatian yang serius dan bersatu padu dalam bekerjasama mendukung kepimpinan raja yang kita kasihi dan menghadapankan usaha mencari dan mempelbagaikan lagi sumber perekonomian kita bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara berkebakikan, sebuah negara maju jaya lagi diredai.

Ke arah itu, selaku rakyat dan penduduk di negara ini khususnya di Daerah Temburong kaola sangat-sangat menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas usaha-usaha baginda yang tidak kendur-kendurnya bertitah menyarankan dan menekankan perlunya kita terus aktif bekerja keras memastikan bidang pertanian dapat dimajukan secara konsisten sebagai salah satu bidang perekonomian masa hadapan.

Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuklah juga sektor swasta telah pun membuat perancangan untuk menjadikan Daerah Temburong bukan sahaja terkenal sebagai pusat pelancongan malah juga sebagai pusat pengeluaran padi secara besar-besaran. Dalam usaha jabatan yang berkenaan meningkatkan hasil padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) khususnya bagi Daerah Temburong terdapat beberapa kawasan KKP yang telah dikenal pasti seperti di Peradayan dan Senukoh.

Pada peringkat awal pengusahaan penanaman padi cukup menggalakkan sehingga dapat mengeluarkan hasil padi yang tertinggi mengatasi daerah-daerah lain. Walau bagaimanapun kedudukan pengusaha-pengusaha dan penghasilan padi agak merosot sejak akhir-akhir ini.

Usaha-usaha meningkatkan pengeluaran padi di KKP perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Sistem pengairan tidak hanya bergantung pada sumber hujan semata-mata pengusaha secara manual dikaji semula dari kesesuaian tanah di kawasan berkenaan dengan menggunakan jentera-jentera berat.

Penglibatan belia berpadi, belia bertani, belia berkebun diperkasakan dari yang sedia ada menerapkan perusahaan industri seperti berpadi secara moden dan terkini. Penghasilan beras juga bergantung pada benih padi sama ada jenis padi *PDR 5* iaitu hasil kacukan jenis Padi Laila dan jenis Padi Pusu. Mungkin sesuai penanaman padi juga

boleh dilaksanakan bukan hanya sekali tetapi dua kali atau lebih daripada dua kali dalam setahun. Manakala bantuan insentif yang bersesuaian seperti racun serangga, baja dan jentera dan lain-lain. Dengan usaha-usaha sedemikian pengeluaran padi di negara kita akan mencapai sasaran sara diri .

Menyebut pula Keperluan Pertanian Luar Bandar (KPLB) akan dapat dibangun dan diberikan nafas baharu dengan tanaman pokok buah-buahan penanaman secara *collective*, penglibatan generasi baru diusahakan sepenuh masa diberikan pengurusan, tunjuk ajar pemasaran dan sentiasa dipantau dan pada masa yang sama boleh dijadikan sebagai taman riadah dan daya tarikan pelancong luar dan dalam negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Temburong terkenal dengan permata hijau (*green jewel*) adalah wajar selaku rakyat dan penduduk di negara ini khasnya di Daerah Temburong menyambut baik dan menyokong dan menyahut serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar dari sampah sarap dan kekotoran. Kerajaan telah pun berbelanja dan menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Dengan menyediakan tong-tong sampah dan tempat-tempat pembuangan sampah yang lebih teratur dan efisien.

Satu jawatankuasa peringkat kebangsaan telah juga ditubuhkan mungkin di peringkat daerah perlu juga ditubuhkan jika ada keperluan. Penguatkuasaan sahaja belum mencukupi untuk menyedarkan orang ramai tapi apa yang penting pada hemat kaola keberkesanan penguasaan akta dan undang-undang sedia ada memerlukan pendekatan baharu dan kemas kini penambahan pegawai penguatkuasaan, kekerapan pemantauan, pemasangan CCTV di tempat-tempat yang tertentu, mungkin juga hukuman yang lebih berat wajar difikirkan semula. Ini memerlukan penilaian semula dan pelaksanaannya.

Jika kita menyentuh dengan negara jiran, mereka telah berjaya menerapkan budaya bersih dan kebersihan ini sehingga menjadikan sikap dan budaya dalam kehidupan mereka sehari-hari, salah satu kaedah melalui pendidikan. Pendidikan di sekolah seawal peringkat rendah lagi, kaola difahamkan bahawa sekolah di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, masih lagi mengamalkan aktiviti membersihkan bilik-bilik darjah bergilir-gilir mengikut jadual.

Begitu juga Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta sentiasa mengadakan kempen-kempen kebersihan secara berkala. Mudah-mudahan kesedaran setiap individu, akan lahir sifat malu dan takut melakukan dosa kerana membuang sampah dan kekotoran, ingin berbuat baik mendapatkan ganjaran pahala

dengan menjaga kebersihan adalah amalan mulia dan tanda orang yang beriman. Sekian, ^{وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهَدَايَةَ السَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ}
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. ^{السَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ} dan salam sejahtera

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama-tama kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas perkenan baginda mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa baginda berharap majlis ini akan dapat bersidang dengan ahli-ahli semua dapat mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengambil sukut daripada titah di atas, kaola sukacita mengusulkan cadangan seperti berikut:

1. Diusulkan supaya kita mencipta 1B1K (Satu Brunei Satu Komoditi) melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seluruh negara, dan melalui pelabur-pelabur tempatan dan luar negara (*FDI*) dan melantik dan menggalakkan syarikat-syarikat besar untuk menjadi pemborong dan seterusnya memproses kepada produk-produk komersial yang berorientasikan eksport. Komoditi yang dicadangkan seperti penanaman piasau (*coconut plantation*), durian salat (*annona muricata*) yang boleh diproses kepada pelbagai produk eksport, penanaman nenas dan komoditi pertanian lain yang bersifat komersial. Dicapangkan pembukaan tapak pedalaman daerah-daerah menghampiri sempadan-sempadan negara. Dengan adanya usaha penanaman komoditi pertanian besar-besaran dengan sendirinya akan ada pembukaan kawasan-kawasan yang terbiar yang tidak diusahakan yang mana mampu mendatangkan manfaat kepada bangsa dan negara;
2. Diusulkan kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan tapak tanah terbiar di mukim-mukim dan Kampung bagi usaha pertanian oleh rakyat kebanyakan melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dan menggalakkan usaha agribisnes yang mengutamakan hasil tertinggi setiap 1 hektar tanah dengan usaha sepadu (*integrated farming, vertical farming, fertigasi dan sebagainya*);
3. Diusulkan jua supaya kita mencipta satu amanah saham kebangsaan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam. Kita sudah mempunyai Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), tetapi masih kurang menarik hati rakyat untuk menabung dan membuat pelaburan. Ini mungkin perlu kepada kajian, apa yang sebenarnya yang terbaik untuk rakyat *as a whole of nation approach* selain yang disediakan seperti TAP dan SCP;
4. Diusulkan supaya memperkasa Akta Wakaf Brunei yang lebih komprehensif. Dengan adanya pemeraksanaan Akta Wakaf Brunei, dapat membantu pembangunan negara seperti pembinaan sekolah-sekolah, pembinaan bangunan-bangunan pendidikan tinggi dan profesional. Dengan adanya Akta Wakaf Brunei yang lebih komprehensif juga membuka ruang ibadah secara berwakaf kepada umat Islam Negara Brunei Darussalam;
5. Diusulkan penggalakan kepada penuntut pengajian tinggi yang mendekati tahun akhir yang berminat untuk mencipta perniagaan sendiri atau berkumpulan dan diberikan kemudahan yang lebih mudah untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada Bank Usahawan Brunei. Ini membolehkan

persiapan awal penuntut-penuntut bersedia dengan sumber pendapatan melalui perniagaan apabila keluar dari pusat pengajian dan memasuki alam kehidupan dewasa dalam masyarakat;

6. Diusulkan juga syarat-syarat yang lebih berjiwa rakyat bagi membantu rakyat Brunei mendapatkan pinjaman modal memulakan perniagaan dan membesarkan perniagaan melalui *SME* dan Bank Usahawan Brunei. Pada masa kini untuk membuat pinjaman kepada agensi kewangan tersebut di atas masih terlalu sukar untuk dipenuhi oleh rakyat biasa yang berminat untuk membuka perniagaan, sedangkan kita melihat potensi dan komitmen peniaga muda belia Brunei sangat menggalakkan, maka ini adalah tanggungjawab kita untuk merealisasikan generasi muda kita mampu untuk menguasai *volume* perniagaan dan mengambil alih peniaga-peniaga yang bersifat seperti dendalu (sejenis tumbuhan yang hidup menumpang dan mengambil zat makanan pada pokok tempat menumpang);

Sudah sampai masanya untuk kita menyeru bangsa kita membuat satu transformasi minda ke arah menjadikan Brunei sebagai medan memajukan diri dalam perniagaan bukan hanya sebagai penonton dengan menyewakan lesen perniagaan atau menjadi peniaga kecil-kecilan. Tidaklah patut berpuluh tahun bangsa kita berpuas

hati dengan status peniaga kecil-kecilan. Sudah masanya bangsa kita bangkit menguasai perniagaan dalam negara sendiri, apalagi dengan adanya Bank Usahawan Brunei yang baru ditubuhkan. Sama-sama kita melihat sejauh mana kesungguhan untuk membantu bangsa Brunei untuk membangun sebagai pengusaha utama dalam Negara Brunei Darussalam;

7. Diusulkan juga supaya sifat-sifat dan pelaksanaan patriotisme dan nasionalisme diasuh dari peringkat awal hingga ke pendidikan tinggi melalui pembelajaran sejarah bangsa dan negara kita dan melalui falsafah dan konsep bangsa kita yang mengamalkan cara hidup Melayu Islam Beraja sebagai calak Brunei jati; dan
8. Diusulkan dimasukkan dalam Wawasan Brunei 2035 transformasi minda dan pelaksanaan berkesan bagi meningkatkan penguasaan ekonomi bangsa Brunei di samping memajukan ekonomi negara melalui *Foreign Direct Investment (FDI)*. Ini bermaksud supaya pembangunan seimbang bagi negara dan rakyat di dalamnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengusulkan pemerkasaan pencegahan rasuah. Rasuah adalah suatu yang sangat perlu dicegah seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Mei 1992, seperti berikut:

"Sebagai negara yang ternama lagi bermaruah, maka Negara Brunei Darussalam patutlah mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah itu hingga ke akar-akar umbinya".

Daripada titah ini kita patut sentiasa berusaha meminimum gejala rasuah kerana kita terdedah budaya asing dan tidak ketinggalan budaya yang negatif seperti rasuah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, kaola mengambil kesempatan memohon supaya Skim 2013, Penghulu dan Ketua Kampung yang menjadikan penamatan perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang sedia ada patut dikaji semula, sedangkan Penghulu dan Ketua Kampung yang sedia ada berkhidmat masa kini ini ditaklimatkan, diserapkan kepada Skim 2013, iaitu apabila ia diserapkan bererti adalah dimasukkan ke dalam Peraturan Skim 2013 yang akan dilantik selama sepuluh tahun tertakluk kepada penilaian prestasi kerja bagi perkhidmatan lima tahun pertama.

Penamatan perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung beramai-ramai secara drastik sukar diterima dan lagi dari segi pendapatan Penghulu dan Ketua Kampung terlalu jauh perbezaannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34 Tahun 2018 seperti berikut:

"Di era baru ini penggunaan teknologi maklumat sangat meluas dan memainkan peranan yang sangat penting ia juga tidak syak lagi turut mengalihkan fokus ke arah ekonomi digital yang terlalu luas untuk diceburi. Maka, diusulkan supaya titah ini diambil perhatian yang serius."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola berdoa supaya Negara Brunei Darussalam dan rakyat sekaliannya akan sentiasa dikurniakan keberkatan, aman makmur dengan rahmat Allah di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
 عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
 وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 وَسَلَّمَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pertama-tama marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang dipenuhi dengan ketakwaan dan keimanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kesempatan ini juga kaola ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri yang baru dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga tidak lupa kita ucapkan kepada mantan-mantan menteri yang tidak lagi bersama kita di Dewan yang mulia ini pada pagi ini atas sumbangan bakti mereka kepada negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola berdiri di sini mewakili rakyat Kawasan Zon 3, Daerah Brunei dan Muara dengan tulus ikhlas menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas keberangkatan dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2018, pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Dalam titah berkenaan, baginda dengan jelas menitikberatkan serta mengutamakan pada kondisi perekonomian negara. Hal ini disebabkan kerana baginda sangat mengambil berat dan mengingati kita semua akan tanggungjawab terhadap keadaan perekonomian negara yang masih bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas yang pertumbuhannya diramal masih berada pada paras yang rendah walaupun permintaan global meningkat pada waktu ini.

Oleh itu, baginda menegaskan supaya kita semua sebagai rakyat dan penduduk negara ini perlu menggembeng tenaga bagi sama-sama memikirkan bagaimana cara untuk meningkatkan pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terutama dalam bidang pertanian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin memberikan pendapat dan pandangan yang mungkin dapat diguna pakai untuk meningkatkan perekonomian di bidang pertanian, iaitu:

1. Dengan memperkembangkan dan memperbanyakkan pertanian secara berkelompok dengan diberikan dan ditangani

- serta dibantu secara bersepadu seperti mengenal pasti kawasan tanah pertanian, modal kewangan, kelengkapan serta tunjuk ajar (kursus-kursus) yang berterusan kepada para petani;
2. Penubuhan koperasi juga memainkan peranan penting sebagai pemborong dan pembekal bagi para petani sehingga memudahkan bagi para petani itu terus giat berusaha meningkatkan produk hasil pertanian mereka dengan mengawal kualiti hasil dan pasarannya yang betul. Tidak mustahil ia boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bukan sahaja untuk sara diri dan juga pengekspotan keluar negeri; dan
 3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam masa yang sama negara juga perlu menubuhkan bank pertanian yang boleh membantu para petani dari segi modal usahawan dalam bentuk pinjaman kewangan bagi tujuan seperti untuk membeli bibit-bibit yang berkualiti, mesin pertanian yang canggih, bahan racun serangga serta baja kimia dan keperluan lain berkaitan dengannya. Dengan ada modal usahawan para petani diharapkan pula dapat menciptakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berasaskan pertanian.

Dengan adanya skim mikro ini, para petani dapat meningkatkan usaha pertanian secara komersial, tidak kurang pentingnya juga ialah pihak Kementerian Pendidikan khususnya melalui UBD mestilah mempunyai Fakulti Pertanian yang boleh mengeluarkan graduan-graduan yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi pertanian. Graduan juga adalah sebagai ejen *off change* iaitu sebagai ejen perubahan ke arah pembaikan kualiti bidang teknologi pertanian dengan secara menyumbang ilmu yang telah dilalui semasa kuliah kepada pengusaha atau pertanian. Diharapkan dengan adanya kerjasama yang berkesinambungan daripada pihak yang berkenaan atas pertumbuhan ekonomi dalam bidang pertanian dapat meningkat sehingga Negara Brunei Darussalam menjadi negara yang mandiri dan berdikari dalam bidang pertanian khususnya.

Menyentuh mengenai penguatkuasaan akta, pihak yang berkenaan dan berwajib perlulah mengambil sikap yang tegas dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan jujur lagi amanah supaya apa jua peraturan dan undang-undang yang diaktakan akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sempurna supaya ia tidak dipersendakan atau

dipermainkan oleh mereka yang tidak mematumhinya. Berhubung dengan pengurusan sumber minyak dan gas, kaola berpendapat mungkin belum ada anak-anak tempatan yang diberikan peluang dan kesempatan untuk menjawat jawatan berkenaan. Akhirnya marilah kita bersama-sama berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja serta rakyat dan Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan. Amin.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. dan salam sejahtera. dengan memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan atas limpah dan kurnia-Nya jua maka kaola dapat bersama-sama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul cadangan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Di Dewan yang mulia dan berkat ini kaola dengan rendah hati ingin mengambil kesempatan bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari semalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita amatlah menyanjung tinggi titah baginda yang penuh nasihat, peringatan dan pandangan jauh serta saranan baginda yang mencerminkan akan kebijaksanaan baginda sebagai seorang pemimpin. Seharusnya selaku rakyat perlu menjunjung tinggi atas segala gagasan baginda demi sama-sama menyemai tanggungjawab menjaga kesejahteraan dan keselamatan negara.

Dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara terutama dalam bentuk cabaran termasuk ekonomi global serta keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sudah tiba masanya untuk kita meneroka bidang-bidang lain dengan secara lebih agresif bagi menentukan dalam menjana ekonomi negara.

Dalam erti kata lain kita tidak hanya bergantung pada penghasilan minyak dan gas akan tetapi lebih dari itu bagi membentuk dan mengusaha dengan lebih aktif bidang-bidang lain seperti bidang pertanian, perikanan dan penternakan bagi mengukuhkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan ke arah mempersiapkan golongan muda dengan pelbagai kemahiran adalah langkah yang bijak dan tepat. Penyelesaian program-program dan skim-skim kemahiran asas dan *advance* memberi impak yang positif ke arah perkembangan ekonomi namun masih saja dianggap pada tahap yang sederhana.

Jika diselami secara terperinci titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh saja dirumuskan bahawa pucuk pangkal masalah tersebut ialah disebabkan oleh pengurusan dan pentadbiran bukan sahaja dari segi pengurusan hal-ehwal kerja, pengurusan kewangan atau pengurusan masa bahkan juga pengurusan tenaga manusia semua peringkat. Sebagai contoh Pengurusan

Tenaga Manusia inilah nanti yang akan membentuk arah tuju dan tahap pencapaian sesebuah agensi. Pengurusan Tenaga Manusia yang aktif dan tuluslah yang akan membimbing dan melengkapi anak-anak tempatan kitani untuk terus melangkah lebih jauh lagi.

Sememangnya *master plan* ataupun pelan induk bagi perancangan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia yang mantap ialah kunci bagi memastikan anak-anak tempatan mahir dan mampu menerajui sesebuah agensi. Mungkin saja ini sudah lama dibuat, soalnya adakah tahap kemahiran anak-anak tempatan kitani masih tahap yang rendah atau ia sudah mencapai tahap yang memuaskan?. Tinggal saja anak-anak tempatan kitani tidak diberikan kepercayaan.

Bagi kaola soalan ini hanya akan dapat dirungkai oleh pihak-pihak yang tertentu. Adalah diharapkan melalui permesyuaratan dan perbahasan perbekalan dalam Majlis Mesyuarat Negara Kali Keempat Belas ini akan menghasilkan satu natijah yang dapat dilaksanakan dengan harapan dapat mengecapi Wawasan Brunei 2035 dengan jayanya sekali gus melahirkan rakyat yang beriman dan bertaqwa. Sebagai penutup Kaola ingin memetik mafhum dari Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf : ayat 96 "*Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami (Allah) akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi.*"

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat memberikan kenyataan-kenyataan masing-masing.

Di samping itu saya masih lagi mempunyai senarai yang agak panjang bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk menyertai perbincangan ini, maka saya cadangkan ada baiknya kita berehat dulu dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada pukul 2.00 petang ini. Sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)